

PENGLIBATAN golongan OKU bersama-sama masyarakat umum dalam menjayakan aktiviti sukan membuktikan bahawa sukan merupakan alat yang berkesan bagi meningkatkan perpaduan rakyat.



UPM anjur Karnival Sukan Integrasi



HARI Sukan Negara (HSN) yang berlangsung pada Sabtu lalu berjaya membuktikan rakyat Malaysia mampu aktif bersukan dan melakukan aktiviti kecergasan sebagai rutin harian masing-masing.

Tidak terkecuali meraikannya ialah golongan orang kurang upaya (OKU) yang mana mereka turut menyahut seruan pihak kerajaan dengan menyertai aktiviti sempena HSN.

Berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, sebuah acara sukan yang melibatkan golongan OKU telah diadakan iaitu Karnival Sukan Integrasi Orang Kurang Upaya 2015.

Kementerian Belia dan Sukan telah menetapkan setiap tahun pada minggu kedua Oktober merupakan HSN yang disambut di seluruh negara bagi menjayakan misi rakyat sihat dan aktif menerusi aktiviti sukan.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin turut menyarankan aktiviti sukan diadakan untuk semua golongan tanpa mengira latar belakang, peringkat usia mahupun kelainan upaya.

Dalam acara karnival ini, Khairy meluangkan masa untuk bersama golongan OKU menikmati sukan dengan menggunakan kerusi roda sebagai sokongan terhadap usaha tersebut.

Penglibatan golongan OKU bersama-sama masyarakat umum dalam menjayakan aktiviti sukan membuktikan bahawa sukan merupakan alat yang berkesan bagi meningkatkan perpaduan dan merapatkan masyarakat antara satu sama lain.

Karnival ini adalah inisiatif pihak Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Akademi Sukan UPM dan Majlis Paralimpik Malaysia dengan penyertaan seramai 850 orang peserta.

Pelbagai program dan aktiviti sukan dijalankan termasuklah Wheel Walk Run, pencarian bakat, bola keranjang berkerusi roda, badminton, senamrobik dan pelancaran modul latihan on-line bagi sukan olahraga, lawan pedang, renang dan *power lifting* untuk mereka yang kurang upaya.

Sukan merupakan satu medium dalam membentuk sahsiah diri yang baik, kecergasan tubuh badan dan juga sebagai agen perpaduan yang baik dalam kalangan masyarakat tanpa mengira latar belakang.

Justeru itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi memberikan komitmen sama rata di antara penglibatan orang biasa dan OKU dalam menjayakan pelbagai program sukan yang mampu dilakukan oleh semua golongan.